

Pelajar antarabangsa ikuti program kesihatan UMS

UB 07.11.2024 P.06

KOTA KINABALU: Tujuh pelajar perubatan dari Erasmus University Rotterdam di Belanda mendapat pengalaman pembelajaran praktikal di klinik kesihatan luar bandar di Sabah.

Ia diperoleh menerusi Program Kesihatan Global Minor, yang merupakan kerjasama antara Universiti Malaysia Sabah (UMS), Erasmus University Rotterdam dan Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Program diuruskan oleh Unit Antarabangsa Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) UMS itu berlangsung selama tujuh hari.

Ia memberikan pelajar pendedahan kepada pelbagai kes klinikal di luar bandar serta lawatan ke rumah pesakit.

Penyelaras program, Dr. Cindy Chin, berkata program itu juga memberi peluang kepada pelajar memahami bu-



hazwaniphoto
15 October 2024 4:08 pm

ALBUM: Lawatan ke program rumah keluarga angkat Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UMS.

daya Sabah melalui lawatan ke beberapa lokasi menarik di kawasan berkenaan.

"Program ini membolehkan mereka melihat cabaran dihadapi klinik luar bandar sekitar Kudat, seperti kekurangan peralatan untuk kes berisiko tinggi, serta isu

berkaitan pengangkutan dan aksesibiliti tempatan.

"Melalui lawatan kerumah dan sesi temu ramah, pelajar dapat merasai sendiri cabaran dihadapi pesakit, walaupun terdapat halangan bahasa.

"Ini hanya dapat dilaksanakan dengan bantuan

yang cemerlang daripada doktor klinik luar bandar," ujarnya.

Cindy berharap untuk meningkatkan kerjasama dengan institusi perubatan antarabangsa bagi memperkembangkan Program Kesihatan Global Minor di UMS.